



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
26 MAC 2021 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- Selangor kekal catat kes harian tinggi 11

Berita Harian

- 1360 positif Covid-19, 2 kematian dilaporkan 11



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 26 MAC 2021 (JUMAAT)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Selangor kekal catat kes harian tinggi
Muka Surat	11

Selangor kekal catat kes harian tertinggi

Sebanyak 1,360 kes baharu dilaporkan dengan dua kematian dalam tempoh 24 jam

KUALA LUMPUR

Malaysia merekodkan sejumlah 1,360 kes baharu Covid-19 pada Khamis dengan dua kematian dalam tempoh 24 jam lepas, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, dalam tempoh itu juga, 1,491 kes sembuh menjadikan jumlah kumulatif kes pulih daripada Covid-19 di negara ini sebanyak 322,416 manakala angka keseluruhan kematian kini berjumlah 1,248 orang selain jumlah kes aktif kini ialah 14,504.



DR NOOR HISHAM

"Daripada jumlah kes baharu hari ini (Khamis), 1,359 merupakan kes tempatan melibatkan 1,086 warga tem-

patan dan 273 bukan warganegara sementara satu lagi adalah kes import," katanya menerusi akaun rasmi beliau di laman Twitter.

Beliau berkata, sebanyak 157 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 72 individu memerlukan alat bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan Selangor kekal mencatat kes harian tertinggi iaitu 356 kes diikuti Sarawak (308), Johor (129) dan Pulau Pinang (113).

"Dua kematian yang dilaporkan hari ini (Khamis) melibatkan seorang lelaki dan

wanita warganegara masing-masing berusia 89 dan 72 tahun dengan latar belakang penyakit kronik.

"Selain itu lapan kluster baharu dikesan melibatkan tujuh kluster tempat kerja dan satu kluster komuniti," katanya.

Kluster tempat kerja ialah Persiaran Maktab di Selangor, Bandar Sri (Kuala Lumpur), Paloh Rambai (Kelantan), Perusahaan LPK (Kedah), Merinding (Labuan), Putra Satu (Putrajaya) dan Tenegang (Sabah) manakala kluster komuniti ialah Siasai Tamu di Sabah. -Bernama



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 26 MAC 2021 (JUMAAT)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	1360 positif Covid-19, 2 kematian dilaporkan
Muka Surat	11

1,360 positif Covid-19, 2 kematian dilaporkan

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,360 kes baharu Covid-19 direkodkan, semalam menjadikan jumlah keseluruhan penularan wabak itu kepada 338,168 kes dengan jumlah kes aktif 14,504 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, hanya satu kes import dilaporkan, manakala 1,359 kes lagi membabitkan penularan tempatan.

"Selangor kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 356 kes diikuti Sarawak (308 kes) dan Johor (129 kes).

"Sebanyak 62 kes dilaporkan adalah berkaitan kluster di penjara dan depot tahanan imigresen (DTI) membabitkan Kluster Tembok Tapah (27 kes), Kluster Telok Mas (20 kes), Kluster Tembok Muhasabah (12 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (1 kes), Kluster Tembok Bukit Besi (1 kes) dan Kluster Tembok Sungai Udang (1 kes)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 157 kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 72 kes memerlukan bantuan pernafasan.



4m 26/3/21

ms 11

Terdapat dua kes kematian dilaporkan iaitu di Sarawak dan Selangor membabitkan warga tempatan berusia 72 dan 89 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit kronik"

Dr Noor Hisham

Beliau berkata, sebanyak 1,491 kes dilaporkan pulih, semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 322,416 kes atau 95.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Terdapat dua kes kematian dilaporkan iaitu di Sarawak dan Selangor membabitkan warga tempatan berusia 72 dan 89 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit kronik.

"Dua kes berkenaan menjadikan jumlah kumulatif kematian sebanyak 1,248 kes atau 0.37 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.